

## **SEDIA PINDA AKTA BOLEHKAN DEGO RIDE BEROPERASI**

---

Akta Pengangkutan Jalan 1987 akan dipinda bagi membolehkan perkhidmatan teksi motosikal, Dego Ride, beroperasi secara sah di negara ini.

Bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy berkata perkara itu masih belum diputuskan sehinggalah kajian membabitkan penggunaan motosikal sebagai teksi dilaksanakan.

Katanya, pekhidmatan Dego Ride tidak boleh diharamkan tanpa sebarang kajian, khususnya kerana ia mendapat permintaan tinggi, selain tidak mahu kerajaan mengulangi kesilapan sama ketika isu perkhidmatan Uber dan GrabCar sebelum ini.

“Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah pihak berkuasa menentukan sama ada perkhidmatan itu boleh diteruskan ataupun tidak”.

Pertimbang aspek keselamatan

“Kementerian juga perlu mempertimbangkan garis panduan aspek keselamatan yang boleh dipatuhi penunggang Dego Ride sebagai satu jalan penyelesaian,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Khidmat Nasihat Perundingan Langsung di Pusat penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaya, di sini semalam.

“Sebagai menteri yang bertanggungjawab dalam perkembangan inovasi, saya tidak perlu memandang isu Dego Ride ini sebagai satu kesalahan tetapi keperluan pada masa hadapan. Namun, saya tidak mengatakan saya membenarkan perkhidmatan itu buat masa sekarang kerana kebenaran penggunaan perkhidmatan itu di bawah Kementerian Pengangkutan, bukan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD),” katanya.

---

**SUMBER : BERITA HARIAN | M/S: 14 | 22 FEBRUARI 2017**